

06 SEP 1998

Shahidan-Anwar

PERLIS LARANG CERAMAH POLITIK DI MASJID DAN SURAU

KANGAR, 6 Sept (Bernama) -- Kerajaan Perlis tidak akan membenarkan sesiapa pun menggunakan masjid, surau atau kawasan sekitarnya sebagai tempat mengadakan ceramah politik kerana perbuatan itu boleh mencemarkan kesucian tempat ibadat umat Islam, kata Menteri Besar Datuk Seri Shahidan Kassim.

"Sesiapa pun yang datang hendak memberi ceramah di negeri ini, sama ada ceramah agama atau politik, perlu mendapat kebenaran polis atau Jabatan Agama Islam Negeri," katanya pada sidang media di kediaman rasminya, di sini hari ini.

Beliau berkata demikian sebagai mengulas hasrat bekas Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim hendak menjelajah ke seluruh negara bagi membela dirinya berhubung dengan pemecatannya dan juga untuk memulakan satu gerakan reformasi.

Anwar dipecat daripada Kabinet Rabu lepas dan pada hari berikutnya dipecat daripada UMNO.

Menurut Shahidan, beliau tidak nampak bagaimana caranya Anwar dapat melaksanakan hasratnya itu.

Katanya, Anwar tidak akan dapat menggunakan bantuan "kawan-kawannya" dalam UMNO kerana beliau sudah dipecat daripada parti, kecuali dengan menggunakan "tiket" parti pembangkang.

Di KUALA TERENGGANU, Menteri Besar Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad menasihatkan Anwar supaya tidak terpengaruh dengan perasaan dan emosi dalam sebarang tindakannya berhubung pemecatannya bagi mengelakkan perkara yang buruk terjadi.

"Sebagai seorang Islam, beliau (Anwar) sepatutnya tahu akan tanggungjawabnya kepada Allah SWT, diri sendiri dan negara seperti yang dituntut agama," kata Wan Mokhtar, yang juga anggota Majlis Tertinggi UMNO (MT) dan Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Negeri, pada sidang media selepas mempengerusikan mesyuarat badan itu, di sini malam tadi.

Mesyuarat khusus itu diadakan bagi memberi penerangan kepada anggota badan itu, para anggota Dewan Undangan Negeri, Dewan Rakyat dan Dewan Negara serta ketua-ketua bahagian UMNO berhubung isu pemecatan Anwar.

Wan Mokhtar juga berkata, Anwar sepatutnya berfikir panjang dalam tindakannya yang mungkin boleh membawa kepada ketidakstabilan dalam negara.

"Anwar perlu memikirkan akan masalah negara dan janganlah membebankan negara terutama dalam keadaan kegawatan ekonomi sekarang," katanya.

Katanya, orang luar yang iri hati dan tidak senang dengan kemajuan dan kenikmatan yang ada di negara ini akan mengambil peluang daripada ketidakstabilan itu yang akan membawa mudarat kepada semua.

Beliau juga berkata mesyuarat itu mengambil keputusan sebulat suara untuk menyokong dan berdiri teguh di belakang Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam apa juga tindakannya memastikan keamanan dan kestabilan dalam negara dan parti.

Menurut Wan Mokhtar, UMNO Terengganu akan menghantar wakil seramai 72 orang, termasuk sembilan orang dari setiap bahagian, ke Kuala Lumpur pada 8 Sept ini untuk mengikuti taklimat mengenai isu itu daripada Dr Mahathir sendiri.

Mengenai penggunaan masjid oleh golongan tertentu berhubung isu itu, Wan Mokhtar berkata semua masjid di negeri ini akan sentiasa diawasi dan mereka yang ingin bercakap dalam masjid perlu mendapat kelulusan daripada Jabatan Hal Ehwat Agama Negeri terlebih dahulu.

Beliau berkata parti pembangkang PAS juga tidak dibenarkan menggunakan masjid untuk bercakap mengenai hal-hal politik selain daripada berdakwah dan jika didapati masjid disalahgunakan, tindakan akan diambil ke atas mereka yang berkenaan.

-- BERNAMA
RIS SBS KHY